

01/07/1998

Faedah pinjaman turun (HL)

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemotongan dua peratus dalam Keperluan Rizab Berkanun (SRR) institusi kewangan yang berkuatkuasa esok, boleh mengurangkan kadar faedah pinjaman yang dikenakan kepada peminjam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata penurunan kadar faedah pinjaman itu boleh berlaku apabila julat kadar faedah institusi kewangan dikurangkan dengan pemotongan SRR.

"Kerajaan menjangka julat bank boleh dikurangkan, manakala kadar deposit tetap kekal dan kadar faedah pinjaman boleh diturunkan," katanya.

Menurutnya, potongan SRR itu sejajar dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kadar faedah pinjaman dikurangkan supaya tidak terlalu membebankan rakyat, khususnya peniaga.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini hari ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, penurunan SRR hanya akan berkesan jika bank dan institusi kewangan melonggarkan syarat pinjaman mereka.

"Langkah Bank Negara Malaysia menurunkan SRR ialah supaya lebih banyak kecairan dalam sistem perbankan, tetapi ia hanya akan berkesan sekiranya bank-bank memberikan pinjaman kerana masih ada bank yang terlalu teliti dan enggan memberikan pinjaman," katanya.

Julat adalah perbezaan di antara kadar faedah pinjaman dan kos dana kepada bank. Dengan pengurangan SRR kepada lapan peratus, dana bernilai kira-kira RM8 bilion dijangka dapat disuntik ke dalam sistem perbankan.

Beliau juga meminta penurunan SRR tidak disalahertikan kerana kerajaan tidak menentukan kepada syarikat mana akan diberi pinjaman.

Walaupun kerajaan menetapkan sasaran pertumbuhan kredit sebanyak 20 peratus bagi suku tahunan pertama tahun ini, sesetengah bank gagal mematuhi arahan itu malahan mencatatkan pertumbuhan pinjaman kurang daripada dua peratus.

Mengenai kenyataannya di majlis yang dihadiri Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Rubin semalam, bahawa kadar faedah semasa di Malaysia adalah tinggi, Anwar menjelaskan adalah penting bagi negara ini mengekalkan keseimbangan antara kadar faedah yang tinggi dan kapasiti bank untuk terus mengurangkan julat.

Menurutnya, apa yang dicadangkan ialah penawar konvensional iaitu meningkatkan kadar faedah bagi membendung inflasi dan mengurangkan spekulasi ke atas mata wang.

"Ia tidak boleh terlalu rendah seperti ketika keadaan sebelum krisis dan juga tidak boleh terlalu tinggi seperti dilaksanakan oleh negara-negara jiran.

"Apa yang kami lakukan sekarang, selain mengekalkan sedikit sebanyak dasar kadar tinggi, kami mahu julat itu dikurangkan agar kadar faedah efektif itu dapat direndahkan dengan perlahan-lahan," ujarnya.

Beliau berkata, perkara itu sudahpun dilaksanakan dengan Maybank, bank perdagangan terbesar di negara ini, mendahului usaha mengurangkan julatnya.

Mengenai Public Bank, yang mencatatkan pertumbuhan kredit tidak memuaskan sebanyak 1.6 peratus, Anwar berkata bank itu memberi jaminan ia sedang membuat beberapa pengubahsuaian untuk meningkatkan pertumbuhan pinjaman.

(END)

